



PENULISAN ILMU TAKHRĪJ AL-HADITH: SUATU TINJAUAN METODE INTEGRATIF BAGI PENULISAN GENRE USUL AL-TAKHRĪJ

(The Writing of Takhrij al-Ḥadīth Studies: An Integrative Methodological Survey for the Uṣūl al-Takhrij Genre)

Mohd Yusuf Ismail

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Abstract

The discipline of *takhrij al-ḥadīth* initially emerged in a practical form through the composition of major *ḥadīth* works such as *Taghlīq al-Ta'liq* by Ibn Hajar al-'Asqalānī, *Naṣb al-Rāyah* by al-Zayla'ī, and others. It later developed into a more theoretical framework, commonly referred to as *uṣūl al-takhrij*, as reflected in works such as *Ḥuṣūl al-Tafrij fī 'Ilm al-Takhrij* by Aḥmad b. Muḥammad al-Ghumārī and *Uṣūl al-Takhrij wa Dirāsāt al-Asānīd* by Maḥmūd al-Ṭaḥḥān. The primary objective of *takhrij* is to identify the original sources of a given *ḥadīth* and to determine its proper placement within the canonical corpus, a task that is closely linked to the skill of assessing the status of *ḥadīth*. However, an examination of several *takhrij* methods taught in university syllabi—largely based on existing *takhrij* references—reveals that some of these methods are no longer practiced by students when conducting *ḥadīth takhrij*. Moreover, the component of *ḥadīth* evaluation has been separated from the teaching of *takhrij* as a discipline. As a result, students of *takhrij* are often unable to determine the status of a *ḥadīth* even after completing their studies in this field. In reality, efforts to integrate key elements of *ḥadīth* studies have been initiated with the aim of providing more practical skills in *ḥadīth* evaluation; nevertheless, these efforts largely retain a traditional approach that emphasizes descriptive explanation and commentary, without sufficient focus on clear practical application. At the same time, they tend to overlook the role of *ḥadīth*-related computer software, which has the potential to significantly expedite *ḥadīth* research. Accordingly, this study seeks to explore a new and more explicit practical framework for the discipline of *takhrij* that is capable of meeting the fundamental needs of *takhrij al-ḥadīth* studies, through a comparative analysis of the organizational methods employed in classical and contemporary works.

Keywords: *takhrij al-hadith*, practical skills, *takhrij framework*

Article Progress

Received: 6 October 2025
Revised: 14 November 2025
Accepted: 10 December 2025

*Corresponding Author:
Mohd Yusuf Ismail.
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM.

Email:
yusufismail@usim.edu.my

PENDAHULUAN

Pengajian ilmu *takhrij* merupakan salah satu komponen wajib dalam silibus pengajian ilmu hadis. Bahkan ilmu ini adalah kemahiran terpenting dalam mengetahui kedudukan sesebuah hadis yang merupakan matlamat paling utama dalam berinteraksi dengan hadis nabawi di samping memahami maksud hadis dengan pengertian yang sebenar. Atas kesedaran ini, para ulama hadis telah menyusun ilmu hadis dalam bentuk yang sistematik hasil penelitian terhadap praktis ulama terdahulu dalam menyusun dan merekodkan hadis nabawi serta amalan mereka dalam menilai sesebuah riwayat hadis. Hasilnya, terdapat pelbagai bentuk gaya penulisan dalam genre *usul al-takhrij*, iaitu karya yang membincangkan metode pencarian hadis serta penentuan statusnya (al-Tahhan, 1996).

Soroton Ringkas Definisi Ilmu *Takhrij*

Sarjana hadis telah menjelaskan pelbagai definisi *takhrij* hadis samada dari sudut bahasa mahupun istilah. Namun perbahasan definisi ini bukanlah matlamat makalah ini, oleh itu, beberapa definisi terpilih dibentangkan sebagai panduan umum dalam perbahasan tajuk kertas kerja ini.

Antara definisi *takhrij* hadis ialah seperti yang dikemukakan oleh Ahmad al-Ghumari (wafat 1960), beliau menyatakan bahawa *al-takhrij* ialah: “Menyatakan sandaran bagi sesebuah hadis yang terdapat dalam penulisan yang tidak bersanad atau tidak menyatakan sandaran hadis kepada rujukan yang bersanad, samada beserta perbincangan status kesahihan atau kelemahan, diterima atau ditolak dan penjelasan ‘illah hadis itu, atau sekadar pernyataan sumber hadis kepada sandarannya sahaja” (al-Ghumari, 1994).

Mahmud al-Tahhan pula menyatakan: “*Takhrij* ialah suatu penunjuk kepada kedudukan sesebuah hadis dalam sumbernya yang asli, iaitu yang meriwayatkannya secara bersanad, kemudian diikuti penjelasan statusnya jika diperlukan” (al-Tahhan, 1996). Definisi ini adalah antara definisi yang menjadi rujukan kepada kefahaman istilah *takhrij* dalam kalangan pengkaji hadis pada tahun-tahun kebelakangan ini (Saad Alu Humaid, 2000).

Muhammad Abul Lais pula mendefinisikan ilmu *takhrij* sebagai: “Suatu ilmu yang mengkaji pada perkara *usul* dan *manahij* yang memudahkan capaian kepada kedudukan hadis serta *mutaba’atnya* dan *syawahidnya*, daripada sumber yang asli dan separa asli, dan (mengetahui) status hadis samada diterima atau ditolak” (Abul Lais, 2004).

Walaupun terdapat banyak kata kunci penting yang dinyatakan dalam tiga definisi yang disebutkan, namun dua kata kunci utama menggambarkan teras ilmu *takhrij* ialah:

a) Pernyataan sumber hadis.

Asas ini merupakan teras paling utama dalam pengamalan *takhrij* hadis. Untuk merealisasikan asas ini, seseorang pengkaji hadis perlu mengetahui dua perkara penting, iaitu:

Pertama: Jenis-jenis karya hadis seperti *al-musannafat*, *al-jawami’*, *al-muwattha* dan sebagainya. Pengetahuan ini diperlukan dalam mempraktikkan metode *takhrij* serta memastikan hadis yang dirujuk adalah bertepatan.

Kedua: Membezakan antara sumber asli, separa asli dan tidak asli supaya hasil *takhrij* yang diberikan disandarkan kepada sumber yang berautoriti.

b) Penjelasan status atau kedudukan sesebuah hadis.

Definisi al-Ghumari secara zahirnya meletakkan pernyataan status hadis sebagai suatu yang berbentuk pilihan, begitu juga al-Tahhan menerusi definisinya.

Manakala Abul Lais dengan jelas meletakkan pernyataan status hadis sebagai fokus *takhrij* hadis. Bahkan beliau menjelaskan: “Maksud pernyataan ‘mengetahui status hadis samada diterima atau ditolak’ ialah dari sudut (sesebuah hadis itu) *sahih*, *hasan*, atau *wadh’* sanad dan matannya, samada dijelaskan oleh ulama hadis atau diketahui melalui kajian seseorang pengkaji dengan meneliti matan dan perawinya berdasarkan pandangan ulama *al-jarh wa al-ta’dil*, seperti yang dilakukan oleh al-Hafiz al-Zaila’iy (w762H) menerusi kitabnya *Nusub al-Rayah li Ahadith al-Hidayah*, dan al-Hafiz al-‘Iraqiy (w806H) menerusi kitabnya *al-Mughni ‘an Hamli al-Asfar fi al-Asfar fi Takhrij ma fi al-Ihya’ min al-Akhbar*, dan al-Hafiz Ibnu Hajar (w852H) dalam kitabnya *al-Talkhis al-Habir fi Takhrij Ahadith Syarh al-Wajiz al-Kabir*, dan Syeikh al-Albani dalam kitabnya *Irwa’ al-Ghalil fi Takhrij Ahadith Manar al-Sabil*, dan saudara Muhammad al-Dardariy dalam kitabnya *Takhrij Ahadith al-Mudawwanah al-Marwiyyah ‘an Malik*. Apabila seseorang pengamal *takhrij* memadai dengan hanya menyebut sumbernya sahaja, tanpa menjelaskan status hadis, maka itu bukanlah amalan *takhrij* yang ilmiah, sebaliknya hanya pernyataan sumber sahaja” (Abul Lais, 2004).

Kenyataan Abul Lais ini sangat tuntas, kerana pernyataan sumber semata-mata tidak memenuhi keperluan masyarakat terhadap sesebuah hadis iaitu untuk mengetahui status hadis tersebut.

2.0 Analisa Kandungan Karya Terpilih

Faisal Ahmad Shah (2010) telah menyenaraikan sebanyak 23 judul karya ilmu *takhrij* yang dikarang oleh ulama semasa. Justeru, kajian ini hanya akan meneliti kandungan tiga karya terpilih iaitu karya Ahmad al-Ghumari, al-Tahhan dan Abul Lais seperti yang telah dirujuk dalam perbincangan definisi.

Karya Ahmad al-Ghumari dipilih atas dasar kitab ini adalah antara yang terawal dalam penulisan *usul al-takhrij*, manakala karya al-Tahhan dan Abul Lais pula adalah antara yang banyak dirujuk dalam pengajaran ilmu *takhrij* di institusi pengajian tinggi.

Perbandingan Tiga Karya

Berikut adalah perbandingan kandungan tajuk utama *Husul al-Tafrij* oleh al-Ghumari, *Usul al-Takhrij* oleh al-Tahhan dan *Takhrij al-Hadith; Nasyatuhu wa Manhajyyatuhu* oleh Abul Lais.

<i>Husul al-Tafrij</i>	<i>Usul al-Takhrij</i>	<i>Takhrij al-Hadith; Nasyatuhu wa Manhajyyatuhu</i>
<i>al-Takhrij wa al-Ikhraj wa al-Istikhraj</i>	Definisi <i>takhrij</i> ; Bahasa, di sisi ulama hadis dan huraian definisi	BAB 1: Takhrij Hadis dan Kaedahnya
Sejarah seni ilmu <i>takhrij</i> dan penjelasan sebab yang mendorong (penulisan ilmu ini)	Kepentingan <i>takhrij</i> dan keperluan terhadapnya	Fasal 1: Asas Ilmu Takhrij - Definisi - Syarat pengamal <i>takhrij</i> - Tajuk ilmu <i>takhrij</i>
Fasal: Dua kategori <i>takhrij</i> bagi hadis yang dinyatakan dengan sanadnya. 1- <i>Takhrij</i> dengan sanad yang dimiliki oleh pengamal <i>takhrij</i> sendiri. 2- Sandaran hadis kepada kitab-kitab usul tanpa mendatangkan sanad pengamal <i>takhrij</i> sendiri.	Sekilas sejarah <i>takhrij</i>	Fasal 2: Kepentingan Ilmu Takhrij - Kepentingan. - Faedah - Perkembangan <i>takhrij</i> dan ilmu <i>takhrij</i>
	Karya <i>takhrij</i> yang terkenal serta pengenالannya - <i>Nusub al-Rayah</i> - <i>Al-Dirayah fi Takhrij al-Hidayah</i> - <i>Al-Talkhis al-Habir</i> - <i>Al-Mughni 'an Haml al-Asfar</i>	
Kaedah Takhrij Hadis yang disebutkan lafaznya secara sempurna - Merujuk kepada kitab <i>al-Atraf</i> - Berbantuan kitab <i>al-Jam' Bayna al-Sahihain</i> dan <i>al-Kutub al-Sittah</i> - Kitab-kitab <i>takhrij</i> yang telah dinyatakan.	BAB 1: - Kaedah <i>takhrij</i> - Tatacara kerja dalam <i>takhrij</i> hadis - Mukaddimah awal dalam meneliti keadaan hadis serta penentuan kaedah termudah dalam <i>takhrij</i> .	Fasal 3: Kaedah Takhrij - Kaedah Pertama: <i>Takhrij</i> menerusi lafaz <i>gharib</i> atau penting. - Jenis kitab kaedah ini - Pengenalan <i>al-Mu'jam al-Mufahras</i> - Peringkat <i>takhrij</i> menerusi <i>al-Mu'jam</i> berserta contoh. - Kebaikan <i>al-Mu'jam al-Mufahras</i> - Keburukan <i>al-Mu'jam al-Mufahras</i> - Kaedah Kedua: <i>Takhrij</i> menerusi lafaz awal hadis: Jenis kitab kaedah ini.
	Fasal 1: Takhrij Menerusi Perawi Hadis dari Kalangan Sahabat - Waktu diperlukan dan rujukannya - Perbincangan berkenaan sanad dan nama-nama sanad termasyhur. - Musnad al-Humaidi. - Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal.	

- Kitab <i>al-Zawaid 'ala al-Kutub al-Sittah</i> - Kitab yang disusun mengikut huruf mu'jam. - Kitab yang menyusun hadis bagi kitab yang menyebutnya secara rambang. - Kitab <i>Ahadith al-Ahkam, Ahadith Fadhail wa al-Tarhib wa al-Tarhib</i> - Kitab <i>al-Ahadith al-Musytahirah 'ala al-Asinah</i>	- Perbincangan kitab <i>al-Ma'ajim</i> - Perbincangan kitab <i>Tuhfat al-Asyraf bi Ma'rifat al-Athraf</i>. - Perbincangan kitab <i>Zakhair al-Mawarith fi al-Dilalah 'ala Maudi' al-Hadith</i>	- <u>Jenis pertama</u>: Kitab bagi hadis secara keseluruhannya - Pengenalan <i>Jam' al-Jawami'</i> - Pengenalan <i>al-Jami' al-Saghir min Hadith al-Basyir al-Nazir</i> - Nasihat dalam merujuk <i>Faydh al-Qadir</i> - <u>Jenis kedua</u>: Kitab bagi hadis yang masyhur dalam kalangan masyarakat. - <u>Jenis ketiga</u>: <i>al-Mausu'at, al-Mafatih</i> dan <i>al-Faharis</i>
Kaedah Takhrij Hadis yang diisyaratkan kepadanya tanpa disebutkan lafaznya.	Fasal 2: Takhrij Menerusi Lafaz Awal Matan Hadis - Waktu diperlukan dan rujukannya - Perkataan yang masyhur dalam kalangan masyarakat - Nama kitab berkenaan hadis yang masyhur. - Perbincangan kitab <i>al-Maqasid al-Hasanah</i> - Perbincangan kitab <i>Tamyiz al-Thayyib min al-Khabith fi ma Yaduru a'la Alsinat al-Nas min al-Hadith</i>. - Perbincangan kitab <i>Kasyf al-Khafa wa Muzil al-Ilbas</i> - Perbincangan kitab <i>Asma al-Mathalib fi Ahadith Mukhtalaf al-Maratib</i>. - Perbincangan kitab <i>al-Jami' al-Saghir min Hadith al-Basyir al-Nazir</i> - <i>Al-Mafatih</i> dan <i>al-Faharis</i> karangan para ulama bagi kitab-kitab tertentu. - Pengenalan <i>Miftah al-Sahihayn</i> oleh al-Tauqadi. - Pengenalan <i>Miftah al-Tartib li Ahadith Tarikh al-Khatib</i> - Pengenalan <i>al-Bughyah fi Tartib Ahadith al-Hilyah</i> - Pengenalan <i>Fihris li Ahadith Sahih Muslim al-Qawliyyah</i> - Pengenalan <i>Miftah al-Muwattha'</i> - Pengenalan <i>Miftah Sunan Ibn Majah</i>	- Kaedah Ketiga: <i>Takhrij</i> menerusi perawi tertinggi (sahabat atau <i>tabi'in</i>): Jenis kitab kaedah ini - <i>al-Masanid</i> - <i>al-Ma'ajim</i> - <i>al-Athraf</i> - <i>Tufat al-Asyraf bi Ma'rifat al-Athraf</i> - <i>Zakhair al-Ma'arif</i> - <i>Ithaf al-Mahirah bi Athraf al-'Asyrah</i> - Cara <i>takhrij</i> dengan dua kaedah terakhir. - Kebaikan kaedah ini. - Keburukan kaedah ini. - Kaedah keempat: <i>Takhrij</i> menerusi tajuk hadis: Jenis kitab kaedah ini. - <u>Pertama</u>: Kitab yang merangkumi kesemua bab agama: - <i>al-Jawami'</i> - <i>al-Mustakhrajat</i> - <i>al-Mustadrakat</i> - <i>Kutub al-Tartib</i> - <i>Kutub al-Jam'</i> - <i>Kutub al-Zawaid</i> - <i>al-Syuruh</i> bagi sebahagian kitab jenis ini. - <i>al-Mausu'at wa al-Mafatih al-Mawdhu'iyah</i>. - Cara <i>takhrij</i> kaedah ini. - Pengenalan <i>Miftah Kunuz al-Sunnah</i>
Kewajipan pengamal <i>takhrij</i> agar menyandarkan sendiri hadis yang ditakhrij kepada kitab usul tanpa bergantung	Fasal 3: Takhrij Bagi Perkataan yang Kurang Masyhur	

sepenuhnya kepada usaha pengamal <i>takhrij</i> lain.	- Penentuan kedudukan perkataan dalam hadis. - Pengenalan kitab <i>al-Mu'jam al-Mufahras li Alfaz al-Hadith al-Nabawi</i> - <i>Al-Mafatih</i> dan <i>al-Faharis</i> bagi pelbagai kitab	- <u>Kedua</u>: Kitab yang merangkumi sebahagian tajuk agama - <i>al-Sunan</i> - <i>al-Mushannafat</i> - <i>al-Muwatthaat</i> - <i>al-Mustakhrajat 'ala al-Sunnan</i> - <i>Zawaid al-Sunnan</i> - <i>al-Masanid</i> yang disusun mengikut tajuk. - Kitab fekah - Kitab <i>takhrij</i> bagi kitab fekah - <i>al-Syuruh</i> bagi sebahagian kitab jenis ini. - Perhatian dan cara <i>takhrij</i> kaedah ini - <u>Ketiga</u>: Kitab bagi tajuk agama tertentu - Akidah - Fekah - Usuluddin - <i>al-Tarhib wa al-Tarhib</i> - Adab - Akhlaq - <i>al-Syama'il al-Nabawiyyah</i> - <i>al-Fadhail</i> - Doa - <i>al-Maghazi wa al-Siyar</i> - <i>al-Fitan wa al-Malahim</i> - <i>al-Ijtima'iyat</i> - <i>al-Tib al-Nabawi</i> - Cara dan peringkat <i>takhrij</i> kaedah ini. - Kebaikan kaedah ini. - Keburukan kaedah ini. - Kaedah kelima: <i>Takhrij</i> menerusi sifat tertentu pada sanad atau matan: Jenis kitab kaedah ini - Kitab hadis yang jelas sifatnya Sifat pada sanad: - Kitab hadis qudsi - Kitab hadis <i>al-musalsal</i> - Kitab <i>al-mubhamat</i>
Perkara yang wajib diberi perhatian: Menyandarkan hadis kepada kitab <i>Sunan al-Nasaie</i>	Fasal 4: <i>Takhrij</i> Menerusi Tajuk Hadis - Siapakah yang menggunakan kaedah ini. - Kitab yang membantu untuk kaedah ini. - Bahagian pertama dari jenis kitab kaedah ini - <i>al-Jawami'</i> - <i>al-Mustakhrajat</i> - <i>al-Mustadrakat</i> - <i>al-Majami'</i> - <i>al-Zawaid</i> - <i>Mifah Kunuz al-Sunnah</i> - Bahagian kedua dari jenis kitab kaedah ini - <i>al-Sunan</i> - <i>al-Mushannafat</i> - <i>al-Muwatthaat</i> - <i>al-Mustakhrajat 'ala al-Sunan</i> - Bahagian ketiga dari jenis kitab kaedah ini - <i>al-Ajza</i> - <i>Kutub al-Tarhib wa al-Tarhib</i> - <i>Kutub al-Zuhud, al-Fadhail, al-Adab, dan al-Akhlaq</i> - <i>Kutub Ahadith al-Ahkam</i> - Kitab tajuk tertentu. - Kitab bidang ilmu lain. - Kitab <i>Takhrij</i> - Kitab <i>al-Syuruh al-Hadithiyyah</i>.	
Perkara berkaitan <i>al-Mustakhrajat</i> dan <i>al-Jam' Bayna al-Sahihayn</i> oleh al-Humaidi dan sandaran al-Bayhaqi dalam kitabnya <i>Sunan al-Kubra</i> .	Fasal 5: <i>Takhrij</i> Menerusi Penelitian Keadaan Matan dan Sanad Hadis - Pengertian kaedah ini. - Penelitian keadaan matan - Penelitian keadaan sanad - Penelitian keadaan matan dan sanad secara bersama. BAB 2: - Kajian sanad dan penentuan status hadis Fasal 1:	

	- Perkara yang diperlukan daripada ilmu <i>al-jarh wa al-ta'dil</i> dalam kajian sanad. - Sanad dan Matan; Ta'rif dan kepentingannya. - Syarat penerimaan perawi - <i>al-'Adalah</i> - <i>al-Jarh wa al-Ta'dil</i> tanpa penjelasan sebab. - Status pendapat seorang dalam <i>al-Jarh wa al-Ta'dil</i> - Lafaz <i>al-Jarh wa al-Ta'dil</i>: Susunan martabat serta hukunya. Fasal 2: - Jenis kitab <i>al-Rijal</i> - Sejarah penulisannya. - Kitab tentang para sahabat - Pengenalan <i>Usud al-Ghabah</i> - Pengenalan <i>al-Isabah</i> - Kitab <i>al-Tabaqat: al-Tabaqat al-Kubra, Ibnu Sa'ad, Tazkirah al-Huffaz. al-Zahabi</i> - Kitab perawi umum - Pengenalan <i>al-Tarikh al-Kabir</i>, al-Bukhari. - Pengenalan <i>al-Jarh wa al-Ta'dil, Ibnu Abi Hatim</i> - Penulisan tentang <i>rijal</i> bagi kitab tertentu. - <i>al-Kamal fi Asma al-Rijal</i> - Buku biografi khusus bagi <i>rijal al-Kutub al-Sittah</i> - <i>al-Tazkirah bi Rijal al-'Asyrah, al-Husayni.</i> - <i>Ta'jil al-Manfa'ah bi Zawaid Rijal al-Aimmah al-Arba'ah</i> - Buku khusus tentang perawi <i>thiqah</i> - <i>al-Thiqat, Ibnu Hibban</i> - <i>Tarikh Asma al-Thiqat, Ibnu Syahin</i> - Buku khusus tentang perawi lemah - <i>Mizan al-'Itidal</i> - <i>Lisan al-Mizan</i> - Buku tentang <i>rijal</i> negeri tertentu.	- Kitab berkenaan Ulum Hadis. Sifat pada matan: - Kitab <i>al-Awail</i> - Kitab <i>al-Amthal</i> - Kitab Tafsir - Kitab hadis yang tersembunyi sifatnya Sifat pada sanad: - Kitab <i>al-Marasil</i> - Kitab berkenaan Ulum Hadis Sifat pada matan: - Kitab hadis mutawatir - Kitab hadis masyhur dalam masyarakat Sifat pada Sanad dan Matan - Kitab hadis <i>al-mu'allah</i> - Kitab hadis dhaif dan palsu - Cara dan peringkat <i>takhrij</i> kaedah ini - Kebaikan kaedah ini - Keburukan kaedah ini. - Kaedah keenam: <i>Takhrij</i> menerusi <i>al-istiqlal</i> dan <i>al-tatabbu'</i>: Jenis kitab kaedah ini - <i>al-Ajza al-Hadithiyyah</i> - <i>al-Arba'inat</i> - <i>al-Afrad</i> - <i>al-Amali al-Hadithiyyah</i> - <i>Tarikh al-Rijal</i> - <i>al-Tabaqat</i> - <i>al-Fawa'id</i> - <i>al-Miaat al-Hadithiyyah</i> - <i>al-Masanid</i> - <i>al-Masyikhat</i> - <i>Mukhtalif al-Hadith wa Musykilihi</i> - Kebaikan kaedah ini - Keburukan kaedah ini. Fasal 4: Takhrij Menerusi 6 Kaedah Secara Serentak - Peringkat <i>takhrij</i> setiap kaedah beserta contoh bagi setiap kaedah. - Lakaran <i>syajarah al-isnad</i> bagi setiap sanad hadis.
--	--	--

	Fasal 3: Peringkat Kajian Sanad - Penjelasan berkenaan hadis yang tidak perlu dikaji. - Hadis dalam <i>al-Sahihayn</i> - Hadis dalam kitab yang menyebutkan hadis sahih sahaja. - Hadis yang dinyatakan kesahihannya oleh ulama muktabar. - Contoh kajian - Kaedah kajian sanad - Kajian <i>al-'Adalah</i> perawi - Kajian hubungan sanad - Kajian <i>syaz</i> dan <i>'illah</i> - <i>Sahih al-Isnad</i> - Contoh kajian lain. - Kitab yang membantu kajian Kitab yang membantu kajian <i>syaz</i> dan <i>'illah</i> - Rumusan peringkat kajian sanad - Penutup	Fasal 5: Takhrij Hadis Menggunakan Perisian Komputer - Program terkini dalam pengumpulan dan indeks sunnah secara digital. - Program dalam batasan kitab-kitab tertentu - Program tanpa batasan kitab tertentu
		BAB 2: Kajian Sanad dan Matan Serta Penentuan Status Hadis
		Fasal 1: Dhawabit al-Jarh wa al-Ta'dil - Definisi <i>al-jarh wa al-ta'dil</i> - Syarat perawi yang diterima - Adakah diterima <i>al-jarh wa al-ta'dil</i> tanpa penjelasan sebab? - Keadaan <i>al-jarh</i> dalam kitab <i>al-jarh wa al-ta'dil</i> - Pertembungan pandangan ulama <i>al-jarh wa al-ta'dil</i> - Lafaz <i>al-jarh wa al-ta'dil</i>, peringkat dan hukumnya.
		Fasal 2: Kitab Berkenaan al-Rijal (Perawi Hadis) - Pertama: Kitab bagi perawi hadis kitab-kitab hadis tertentu. - <i>Tahzib al-Kamal fi Asma al-Rijal</i> - <i>Tahzib al-Tahzib</i> - Kedua: Kitab bagi perawi hadis secara umum. - Kitab tentang para Sahabat - Kitab perawi <i>thiqah</i> - Kitab perawi dhaif dan para <i>mudallis</i> - Kitab yang menggabungkan perawi <i>thiqah</i> dan dhaif.
		Fasal 3: Penilaian Status Hadis - Pertama: Hadis yang telah ditentukan statusnya oleh para ulama. - Kedua: Hadis yang belum ditentukan statusnya atau belum dikaji - Kaedah kajian sanad dan peringkatnya

		- Kaedah kajian matan dan peringkatnya - <i>syuzuz</i> pada matan dan bentuknya. - <i>'Illah</i> pada matan dan bentuknya.
--	--	--

RUMUSAN PERBANDINGAN

Hasil penelitian daripada kandungan tiga karya utama *usul al-takhrij* dapat dirumuskan seperti berikut:

- i. Terdapat perkembangan yang ketara dari sudut penjelasan dan huraian ilmu *takhrij*. Karya al-Tahhan yang dicetak pada tahun 1996 sangat terkehadapan dari sudut penyusunan dan huraian kaedah *takhrij* berbanding karya al-Ghumari. Perbezaan tahun antara dua karya ini adalah lebih daripada 30 tahun, al-Ghumari wafat pada tahun 1961.

Manakala karya Abul Lais pula telah memasukkan unsur-unsur bantuan teknologi maklumat terkini dalam *takhrij* hadis. Dalam perkembangan teknologi maklumat dan internet yang pesat, karya baharu *usul al-takhrij* seharusnya diperbaharui dengan maklumat yang boleh mempercepatkan usaha *takhrij* hadis tanpa meminggirkan komponen ilmu *takhrij* yang asas dan penting. Di samping itu, komponen ilmu yang mungkin tidak lagi relevan dengan amalan *takhrij* terkini boleh dikeluarkan daripada penulisan.

- ii. Kandungan asas dalam karya *usul al-takhrij*.

Terdapat beberapa tajuk yang dikenalpasti sebagai komponen asas dalam penulisan *usul al-takhrij* yang dikemukakan oleh 3 karya yang lalu iaitu:

- a) Definisi *takhrij* dan istilah yang berkaitan dengannya.
- b) Kaedah (*turuq*) *takhrij*, iaitu *takhrij* menerusi:
 - (1) Perawi tertinggi iaitu para sahabat.
 - (2) Lafaz awal hadis.
 - (3) Tajuk hadis.
 - (4) Lafaz tertentu bagi hadis.
 - (5) Sifat tertentu pada sanad dan matan hadis.
 - (6) *Istiqra* dan *tatabbu'* (Tambahan Abul Lais)
- c) Pengenalan ringkas bagi rujukan yang diperlukan yang disesuaikan mengikut kaedah *takhrij*.
- d) Penjelasan beserta contoh.
- e) Penentuan status hadis.

- iii. Komponen ilmu Mustalah Hadis, Ilmu Rijal dan *al-Jarh wa al-Ta'dil*

Karya al-Tahhan dan Abul Lais memperlihatkan dengan jelas huraian berkenaan ilmu-ilmu ini, terutamanya dalam bab berkenaan penilaian status hadis. Namun tidak semua perbahasan yang terkandung dalam tiga ilmu ini dimuatkan dalam karya *takhrij*, tajuk-tajuk yang terpilih ialah:

- a) Definisi istilah terpilih seperti *sanad*, *matan*, *sahih al-isnad*, *syaz*, dan *'illah*. Istilah ini adalah antara istilah yang dibahaskan secara mendalam dalam ilmu Mustalah Hadis.
- b) Penjelasan syarat penerimaan perawi hadis yang merangkumi perbahasan mengenai *al-'adalah* dan *al-dhabt*. Perbahasan ini juga adalah sebahagian perbincangan penting dalam ilmu Mustalah Hadis.
- c) Lafaz *al-jarh wa al-ta'dil* serta kedudukan dan hukumnya dalam penilaian perawi, serta perbincangan isu terpilih *al-jarh wa al-ta'dil* seperti kedudukan lafaz *al-jarh wa al-ta'dil* yang tidak dijelaskan sebab-sebabnya dan perbezaan lafaz *al-jarh wa al-ta'dil* dalam kalangan ulama hadis serta kaedah pemilihannya.
- d) Pengenalan karya yang menghimpunkan perawi hadis.

3.0 Tinjauan Silibus Ilmu *Takhrij* di USIM dan Pengajarannya

Penulisan karya *usul al-takhrij* juga harus meraikan aspek pengajaran ilmu ini, terutamanya di institusi pengajian tinggi. Ilmu *takhrij* jarang dijadikan bahan pengajian secara bertalaqqi kerana sifatnya yang lebih kepada praktikal.

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), menawarkan kursus Ilmu *Takhrij* (QSH2033) berstatus 3 jam kredit yang ditawarkan kepada pelajar Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dan Sarjana Muda Pengajian Sunnah Dengan Pengurusan Maklumat. Kursus ini juga ditawarkan selepas para pelajar lulus kursus Mustalah Hadis. Penawaran kursus ini berlangsung selama 14 minggu dengan 3 jam pertemuan bersemuka bagi setiap minggu.

Perincian tajuk Ilmu *Takhrij* yang ditawarkan ialah:

Minggu Perkuliahan	Tajuk
Minggu 1	- Metod Pengajian <i>Takhrij</i> al-Hadith. - Sejarah Perkembangan Ilmu <i>Takhrij</i>. - Kepentingan dan sumber.
Minggu 2	Kaedah <i>Takhrij</i> al-Hadith 1: Melalui awal matan hadis.
Minggu 3	Kaedah <i>Takhrij</i> al-Hadith 2 melalui perawi hadis.
Minggu 4	Kaedah <i>Takhrij</i> al-Hadith 3 melalui perkataan penting di dalam matan
Minggu 5	Kaedah <i>takhrij</i> al-Hadith 4 melalui topik sesuatu hadis.
Minggu 6	Kaedah <i>Takhrij</i> al-Hadith 5 melalui keadaan sanad dan matan
Minggu 7 & 8	Kaedah <i>Takhrij</i> al-Hadith 6 menggunakan komputer.
Minggu 9 – 11	- Kajian sanad dan matan. - Kitab-kitab dan metodologi ulama dalam mengkategorikan perawi
Minggu 12 - 14	Cara penulisan laporan <i>Takhrij</i> al-Hadith

Maklumbalas Pensyarah Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Ilmu *Takhrij*

Satu temubual bersama dua orang pensyarah yang mempunyai pengalaman 3 hingga 5 tahun dalam pengajaran ilmu *takhrij* di USIM telah dijalankan iaitu bersama Dr. Amiruddin Mohd Sobali dan Dr. Zulhilmi Mohamed Nor.

Hasil temubual menyatakan bahawa pengajaran ilmu *takhrij* di USIM bertumpu kepada enam (6) kaedah *takhrij* seperti yang dinyatakan dalam proforma ilmu *takhrij*. Namun disebabkan kekangan masa pengajaran, kedua-dua pensyarah bersetuju bahawa aspek penentuan status hadis tidak dapat ditekankan dalam pengajaran.

Di samping itu, Dr. Amiruddin turut menjelaskan bahawa aspek terpenting dari enam kaedah *takhrij* yang dinyatakan ialah untuk memperkenalkan jenis-jenis kitab hadis kepada pelajar, manakala dengan bantuan teknologi maklumat terkini, pencarian hadis akan menjadi lebih cepat dan pantas.

Maklumbalas Pelajar Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Ilmu *Takhrij*

Satu tinjauan menerusi sebaran soal selidik menggunakan perisian *google form* telah diadakan dengan fokus kepada pelajar Program Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah yang telah mengambil kursus ilmu *takhrij*. Sejumlah 108 maklum balas dapat dikumpulkan melibatkan 4 soalan asas.

Soalan 1:Carta 1: Asas Ilmu *Takhrij*

50% responden bersetuju bahawa Ilmu Mustalah Hadis diperlukan untuk mempelajari ilmu *takhrij*, manakala bagi ilmu rijal, 47.2% bersetuju menjadikan ilmu ini sebagai asas ilmu *takhrij*. Perkara ini turut dapat diperhatikan menerusi karya *takhrij* yang telah dibentangkan, terdapat beberapa aspek daripada dua ilmu ini yang turut diselitkan dalam karya *usul al-takhrij* terutamanya dalam bab berkenaan kaedah penentuan status hadis.

Soalan 2:Carta 2: Faedah Ilmu *Takhrij*

100% Respondan mengakui bahawa ilmu *takhrij* yang dipelajari mereka sangat bermanfaat dalam membantu mereka menghasilkan kajian yang berkaitan kursus dan tujuan-tujuan lain.

Soalan 3: Apakah kaedah *takhrij* yang paling membantu?

Bil	Kaedah <i>Takhrij</i>	% (61 Maklum balas)
1.	<i>Takhrij</i> menggunakan ICT	62.32
2.	<i>Takhrij</i> menerusi lafaz <i>gharib</i>	18.03
3.	<i>Takhrij</i> menerusi awal matan hadis	9.83


4.	<i>Takhrij</i> menerusi nama sahabat (perawi tertinggi)	8.19
5.	<i>Takhrij</i> menerusi tajuk hadis	1.63

Dengan merujuk kepada enam kaedah *takhrij* yang diajarkan kepada pelajar Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah, kaedah *takhrij* dengan menggunakan aplikasi teknologi maklumat terkini mencatatkan tertinggi sebagai kaedah paling membantu dalam pencarian hadis. Antara aplikasi ICT yang dinyatakan oleh responden ialah:

- Perisian al-Maktabah al-Syamilah.
- Laman web al-dorar.net
- Perisian Jawami' al-Kalim

Dapatan ini menunjukkan bahawa penekanan terhadap kaedah *takhrij* berbantuan ICT perlu diberikan lebih perhatian dalam pengajaran ilmu *takhrij*.

Soalan 4:



Carta 2: Pengajaran Status Hadis

97.2% Respondan mengakui bahawa mereka diajar berkenaan kaedah menentukan status sesebuah hadis. Namun perkara ini sedikit berbeza dengan maklumbalas pensyarah yang menyatakan bahawa aspek penentuan status hadis kurang diberi tekanan dalam pengajaran ilmu *takhrij* kerana kekangan masa pengajaran. Oleh itu, persoalan yang memerlukan kajian yang lebih mendalam ialah tahap pengetahuan pelajar berkenaan aspek penentuan status hadis.

5.0 Cadangan Silibus *Takhrij* Integratif

Kajian ini secara umumnya telah melakukan penelitian terhadap tiga sumber berkenaan ilmu *takhrij* iaitu: Kandungan tiga karya *usul al-takhrij*, silibus ilmu *takhrij* di USIM dan aklumbalas pensyarah dan pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran ilmu *takhrij*. Hasil perbandingan tiga sumber ini, beberapa catatan penting dapat disimpulkan iaitu:

- Aspek terpenting daripada kaedah-kaedah *takhrij* ialah pengenalan terhadap kitab-kitab utama hadis, terutamanya berkenaan kaedah penyusunan hadis dalam kitab-kitab tersebut serta beberapa aspek berkenaan manhaj penulisannya.
- Penggunaan perisian ICT perlu diperluaskan penjelasannya kerana kaedah *takhrij* ini mampu menggantikan kaedah-kaedah tradisional yang ada. Namun untuk memastikan hasil *takhrij* yang baik, pengamal *takhrij* perlu mempunyai pengetahuan cukup berkenaan kitab utama hadis.

- iii. Penulisan karya *usul al-takhrij* perlu memasukkan aspek penilaian status hadis. Untuk tujuan ini, beberapa perincian daripada ilmu Mustalah Hadis, ilmu *rijal*, dan *al-jarh wa al-ta'dil* yang berkaitan perlu dimasukkan.
- iv. Karya *usul al-takhrij* seperti karya al-Tahhan dan Abul Lais telah mempunyai aspek-aspek penting yang dinyatakan, namun kandungannya yang terpendi dan luas memerlukan kepada masa pengajaran yang lebih lama. Oleh itu, penulisan *usul al-Takhrij* yang terkini perlu diringkaskan dan dipermudahkan agar sesuai dengan masa pengajaran terutama di institusi pengajian tinggi.

Hasilnya, berikut merupakan cadangan kerangka penulisan karya *usul al-Takhrij* integratif hasil gabungan elemen ilmu asas dalam ilmu *takhrij* dan ilmu-ilmu hadis lain.

	Bab	Perincian Bab	Catatan
1.	Bab 1: Pengenalan Jenis Kitab Hadis	- <i>al-Musannafat</i> Kaedah: Tema hadis - <i>al-Muwatthaat</i> Kaedah: Tema hadis - <i>al-Masanid</i> Kaedah: Perawi sahabat - <i>al-Jawami'</i> Kaedah: Tema hadis - <i>al-Sunan</i> Kaedah: Tema hadis - <i>al-Ma'ajim</i> Kaedah: Perawi sahabat atau guru perawi. - <i>al-Mustadrakat</i> Kaedah: Tema hadis - <i>al-Mustakhrajat</i> Kaedah: Tema hadis - <i>al-Ajza</i> Kaedah: Tema hadis atau Perawi sahabat. - <i>al-Athraf</i> Kaedah: Lafaz hadis - <i>al-Tartib</i> Kaedah: Tema hadis - <i>al-Zawaid</i> Kaedah: Tema hadis - <i>al-Majami'</i> Kaedah: Tema hadis	Setiap jenis kitab hadis dihubung terus dengan kaedah <i>takhrij</i> kerana fokus huraian ialah pengenalan terhadap kitab hadis.
2.	Bab 2: <i>Takhrij</i> Menerusi Perisian ICT	- Penggunaan perisian komputer seperti <i>al-Maktabah al-Syamilah</i> dan <i>Jawami' al-Kalim</i>. - Penggunaan laman sesawang seperti web <i>dorar.net</i>	
3.	Bab 3: Hadis yang Telah Dinilai Status	- Kitab yang meletakkan syarat tertentu seperti <i>al-Sahihayn</i>. - Kitab yang meletakkan syarat tertentu tetapi tidak mencapai kedudukan <i>al-Sahihayn</i>. - Kitab-kitab <i>takhrij</i>. - Kitab yang menghimpunkan hadis daif dan palsu.	

4.	Bab 4: Perbahasan terpilih Ilmu <i>Rijal</i> dan <i>al-Jarh wa al-Ta'dil</i>	- Pengenalan kitab-kitab penting biodata perawi. - Lafaz <i>al-jarh wa al-ta'dil</i> dan implikasinya terhadap perawi.	
5.	Bab 5: Penilaian Status Hadis	- Sanad yang bersambung - Sifat <i>'adalah</i> perawi. - Sifat <i>dabt</i> perawi. - Bebas <i>syuzuz</i> - Bebas <i>'illah</i>	Setiap syarat menerangkan maksud dan aplikasinya, serta disusuli dengan jenis hadis daif yang timbul berpunca daripada ketidak seumpurnaan sesuatu syarat
6.	Bab 6: Pengukuhan Status Hadis	- Hadis <i>sahih li ghairihi</i> - Hadis <i>hasan li ghairihi</i>	
7.	Bab 7: Contoh Lengkap Kajian Status Hadis		

RUJUKAN

Abul Lais, Muhammad. (2004). *Takhrij al-Hadith: Nasyatuhu wa Manhajiyyatuhu*. India: Ittihad Deoband.

Amiruddin Mohd Sobali. (t.t). *QSH2033: Proforma Ilmu Takhrij, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

Aziz, A. M. A., & Azmi, A. S. (2011). *Keperluan Takhrij Terhadap Buku Teks Sirah Di Negeri Sembilan*.

Ellias, M. S., bin Norazmi, M. N. F., & Kamarzaman, M. H. (2025). The Critical Thinking in Takhrij Al-Hadith: A Methodological Approach. *Journal Of Hadith Studies*, 16-32.

Faisal Ahmad Shah. (2010). *Takhrij Hadith*. Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Universiti Malaya.

al-Ghumari, Ahmad bin Muhammad. (1994). *Husul al-Tafrij bi Usul al-Takhrij*. Riyadh: Maktabah al-Tabariyyah.

Rusli, A. R. M., Azmi, A. S., Halim, A. A., & Aziz, A. A. (2024). Kajian Takhrij Hadith bagi Sukatan Pelajaran Sekolah-sekolah di Malaysia. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 10(1), 89-96.

Sa'as Alu Humaid. (2000). *Thuruq Takhrij al-Hadith*. Riyadh: Dar 'Ulum al-Sunnah.

al-Tahhan, Mahmud. (1996). *Usul al-Takhrij wa Dirasat al-Asaanid*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.